

KPKT sokong pembangunan Bandar Pintar



PUTRAJAYA - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara perlu mengambil langkah lebih progresif untuk membangunkan PBT masing-masing menggunakan konsep Bandar Pintar.

Inisiatif tersebut dapat meningkatkan perhubungan dan keberkesanan infrastruktur serta kualiti perkhidmatan mereka.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berkata, PBT lain boleh menjadikan Majlis Perbandaran Pengerang, Johor sebagai model Bandar Pintar negara kerana PBT tersebut memperkenalkan penggunaan kenderaan elektrik untuk orang awam di Pengerang.

Ini sejajar dengan agenda utama Rancangan Malaysia ke-12, untuk membangunkan bandar-bandar di Malaysia sebagai Bandar Pintar.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Pelepasan Kenderaan Elektrik untuk Kegunaan Majlis Perbandaran Pengerang di Putrajaya.